

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PENERBIT KANAN (B.2 EB.3 / B.2)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PENERBIT KANAN
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

- i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ehwal Semasa / Kewartawanan / Komunikasi Massa / Linguistik / *Media Production / Media and Culture / Media and Journalism / Multimedia / Penyiaran / Professional Communication and Media / Public Affairs / Pengajian Brunei / Seni Kreatif / Sejarah / Sastera / TV and Film Production / Television Production / Usuluddin* atau bidang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- ii) Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan sebanding dalam lain-lain bidang dan mempunyai pengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran tidak kurang dari 6 bulan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2:**

- i) *BDTVEC/BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding Ehwal Semasa / Kewartawanan / Komunikasi Massa / Linguistik / *Media Production / Media and Culture / Media and Journalism / Multimedia / Penyiaran / Professional Communication and Media / Public Affairs / Pengajian Brunei / Seni Kreatif / Sejarah / Sastera / TV and Film Production / Televisyen Production / Usuluddin* atau bidang berkaitan **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan besesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.



ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN

1. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
2. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
3. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan yang mendalam dan meluas mengenai hal ehwal penerbitan rancangan, hal ehwal semasa dan hal ehwal media penyiaran.
4. Hendaklah mempunyai pengalaman yang luas dalam menerbitkan rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa sama ada secara siaran langsung ataupun rakaman.
5. Hendaklah mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa.
6. Hendaklah mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam mengolah dan menghasilkan penerbitan yang berkualiti.
7. Hendaklah mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar.
8. Hendaklah mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik di samping boleh menjadi pembimbing atau mentor kepada pegawai / kakitangan di bawah jagaan.



9. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam proses penerbitan rancangan termasuk dalam suasana tegang.
10. Berkeupayaan mengawal dan mengurus hal ehwal perbelanjaan peruntukan dengan menghasilkan produktiviti yang berkualiti dan menepati kehendak dan matlamat jabatan.
11. Memahami misi dan dasar jabatan dalam pembangunan negara.
12. Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja.
13. Mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam.
14. Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertugas selaku ketua bagi unit yang berkenaan;
2. Bertanggungjawab dalam merancang rancangan yang hendak diterbitkan sepanjang 12 bulan dan menilai pencapaiannya sejajar dengan peratus yang diarahkan;
3. Mentadbir, mengarah dan mengaturkan jadual kerja kepada para penerbit dan semua pegawai/kakitangan di bawah jagaannya;
4. Menyediakan laporan tahunan bagi pegawai/kakitangan dan terbitan rancangan-rancangan serta perkembangan masa depan unit di bawah jagaannya;
5. Mengawal perbelanjaan agar ianya selaras dengan kehendak dan matlamat jabatan;
6. Menggalakkan dan membimbing idea-idea yang kreatif kepada pegawai/kakitangan di bawah jagaannya dalam format satu-satu rancangan terutama rancangan baru dan penting;
7. Menerbitkan sendiri rancangan-rancangan penting yang melibatkan projek-projek negara sekurang-kurangnya empat rancangan;



8. Menyediakan jadual rakaman, tayangan dan tapisan bagi rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh unit di bawah jagaannya dan memastikan tarikh-tarikh tersebut ditepati;
9. Merancang slot penjadualan siaran sepanjang tahun;
10. Mempengerusikan mesyuarat yang melibatkan semua rancangan dan projek unit tersebut termasuklah mesyuarat *post production*;
11. Memberikan kerjasama yang penuh kepada Bahagian / Seksyen / Unit yang berkenaan yang berkaitan dengan keperluan latihan-latihan bagi para penerbit dan keperluan teknikal bagi memastikan setiap penerbitan rancangan berkualiti tinggi;
12. Dalam setengah hal, Penerbit Kanan juga diperlukan untuk menulis skrip dan /atau menyunting skrip untuk rancangan-rancangan.
13. Berkebolehan dalam pengendalian Sistem *Winmedia* dan kerja-kerja penyuntingan menggunakan *Sound Forge* dan *Vegas*; dan
14. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.